

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU
NAIDU
(BATU GAJAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2017

**Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [BATU
GAJAH]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan
keuangan yang sebenar dengan mengambil kira semua indikator
yang mengukur keadaan ekonomi negara ketika ini. Sejauh manakah
GST telah membawa impak negatif dalam membangunkan ekonomi
negara terutamanya dari segi pengaliran masuk pelaburan asing ke
Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan usaha konsolidasi fiskal untuk

mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan. Usaha ini telah berjaya mengurangkan paras defisit fiskal Kerajaan pada tahun 2009 daripada 6.7% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kepada 3.1% daripada KDNK pada tahun 2016. Usaha konsolidasi ini berhasil dan masih diteruskan walaupun Kerajaan mengalami pengurangan hasil berkaitan petroleum yang ketara pada tahun 2015 dan tahun 2016, berikutan kejatuhan harga minyak mentah dunia daripada USD98.94 setong pada tahun 2014 kepada USD52.40 dan USD44.05 masing-masing pada tahun 2015 dan 2016. Pada masa yang sama, paras hutang Kerajaan Persekutuan pula kekal di bawah paras 55% daripada KDNK.

Antara faktor utama yang membolehkan Kerajaan meneruskan usaha konsolidasi fiskal ini adalah berikutan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) mulai April 2015 yang berjaya menjana pendapatan tambahan dan menampung sebahagian besar pengurangan hasil berkaitan petroleum. Bagi tahun 2017, paras defisit fiskal disasarkan terus berkurang kepada 3% daripada KDNK.

Usaha konsolidasi fiskal untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan turut mendapat pengiktirafan daripada pihak luar seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia serta agensi

penarafan antarabangsa. Hasilnya, agensi penarafan antarabangsa seperti *Standard and Poor's*, Fitch dan Moody's telah mengekalkan penarafan kredit Malaysia pada tahap A- dan A3 untuk tahun 2015 dan 2016 walaupun beberapa negara telah mengalami penurunan penarafan kredit. Pengekalan penarafan ini jelas menunjukkan keyakinan dan pengiktirafan agensi berkenaan terhadap pendekatan pengurusan makroekonomi dan fiskal negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu, Kerajaan berjaya mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara meskipun berhadapan persekitaran luar yang mencabar termasuk pertumbuhan lebih perlahan dalam kalangan ekonomi maju; harga minyak berterusan rendah; dan ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa, ekonomi negara tetap berkembang sebanyak 4.2% pada tahun 2016 dan kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil. Pertumbuhan ini disokong oleh asas ekonomi negara yang kukuh termasuk pasaran buruh yang stabil dengan guna tenaga penuh; rizab asing mencukupi; dan sistem kewangan yang kukuh bagi menyokong ekonomi. Pada masa yang sama kadar inflasi masih terkawal iaitu pada paras 2.1% bagi tahun 2015 dan 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan GST adalah sejajar dengan usaha mempelbagaikan sumber hasil terutamanya hasil cukai dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berasaskan komoditi, khususnya petroleum. Ini penting memandangkan harga minyak mentah dunia adalah tidak menentu dan kejatuhan harga tersebut telah menjejaskan hasil Kerajaan. Kutipan GST pada tahun 2016 berjumlah RM41.2 bilion dan jauh lebih tinggi daripada kutipan SST pada tahun 2014 yang berjumlah RM17.2 bilion.

Pelaksanaan GST tidak memberi impak negatif kepada Malaysia dari segi perdagangan dan pengaliran masuk pelaburan asing ke Malaysia. Indikator sektor luar negeri bagi tahun 2015 dan 2016 menunjukkan prestasi yang kekal kukuh. Jumlah perdagangan negara pada tahun 2016 terus mencatat peningkatan melebihi paras RM1 trilion kepada RM1.48 trilion dengan eksport kasar mencatat pertumbuhan sebanyak 1.1%, manakala import pula terus meningkat 1.9% (2015: RM1.46 trilion; 1.6%; 0.4%).

Mengikut perangkaan Imbangan Pembayaran (BOP), aliran masuk

bersih pelaburan langsung asing (FDI) pada tahun 2015 melonjak kepada RM43.4 bilion berbanding RM35.6 bilion tahun 2014. Meskipun berhadapan persekitaran luar yang mencabar, aliran masuk FDI bersih terus kukuh sebanyak RM41.2 bilion pada tahun 2016.